

Parti saja boleh berjuang untuk kita — Mahathir

U.M 12 OCT 1993

JOHOR BAHRU 11 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, peranan seorang pemimpin ialah menentukan bahawa walaupun dia tidak ada dalam parti tetapi parti masih kukuh, berkesan dan masih boleh mendirikan kerajaan yang boleh mendatangkan faedah kepada orang Melayu, bumiputera dan rakyat Malaysia.

“Kita berada dalam parti. Parti sahaja yang boleh berjuang untuk kita. Orang perseorangan tidak boleh, kalau terlalu utamakan orang perseorangan akibatnya parti akan lemah,” katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya tidak mengulangi corak kempen pemilihan UMNO pada 1987 yang membelakangkan parti dengan mengutamakan orang tertentu yang bertanding.

Katanya, ketika itu ahli-ahli UM-

NO telah lupa daratan dengan meletakkan kepentingan orang yang bertanding lebih daripada parti.

Menurut Presiden UMNO, apabila ahli-ahli membelakangkan parti dan mengutamakan orang tertentu, ketika itu parti menjadi lemah kerana ahli-ahli sanggup melakukan apa saja untuk menjayakan orang itu walaupun ia membinasakan parti.

“Sayangilah parti kita, jagalah parti kita, kalau kalah jangan kecewa sehingga hendak merosakkan parti, yang penting jaga parti kita kerana parti boleh kekal, orang tidak boleh kekal, pemimpin tidak boleh kekal,” katanya.

Beliau berkata, UMNO yang berjaya dipulihkan selepas pemilihan 1987 perlu terus kukuh sebaik sahaja selesai pemilihan November ini kerana ketika ini UMNO adalah parti politik terkuat sekali di dalam dunia.

“Ini mungkin bongkak tetapi ini benar, UMNO adalah parti politik yang terkuat sekali di dalam dunia negara-negara yang membangun,” katanya ketika berucap kepada ahli-ahli UMNO seluruh Negeri Johor di kediaman Menteri Besar petang ini.

Menurutnya, pada 1987 akibat keutamaan yang diberi kepada tubuh badan orang, parti UMNO diharamkan dan UMNO terpaksa bekerja cukup kuat untuk merapatkan balik barisan dalam parti sehingga sekarang berjaya mencapai 1.9 juta ahli.

Katanya, walaupun ahli mengutamakan pemimpin, tetapi mereka tidak harus terikat sehingga sanggup melihat parti berpecah kerana seorang dua tidak mendapat tempat

Beliau menegaskan bahawa pemilihan pucuk pemimpin parti tiga tahun sekali adalah kehendak perlembagaan dan merupakan cara yang demokratik.